



KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

SIARAN MEDIA

SEKTOR EKONOMI DI KAWASAN PKP 3.0 BOLEH BEROPERASI SEPERTI BIASA TERTAKLUK KEPADA SOP SEDIA ADA

Kerajaan bersetuju untuk membenarkan semua sektor ekonomi termasuk sektor perkilangan terus beroperasi di enam daerah di negeri Selangor yang menjalani Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0, kecuali aktiviti-aktiviti tertentu yang disenaraikan di bawah *negative list* Prosedur Operasi Standard (SOP) Am PKP 3.0.

SOP Am PKP 3.0 adalah berdasarkan SOP PKP sedia ada, kecuali aktiviti *dine-in* adalah tidak dibenarkan di restoran. SOP ini juga boleh diakses di laman web MKN - www.mkn.gov.my. Syarikat perlu mematuhi SOP Am PKP 3.0 dan tertakluk kepada tatacara Bekerja Dari Rumah (BDR) sedia ada iaitu hanya 30 peratus kakitangan pengurusan boleh hadir ke pejabat seperti biasa tanpa sekatan waktu bekerja manakala kehadiran pekerja operasi / sokongan ditentukan oleh majikan mengikut budi bicara.

MITI menyeru agar pihak industri terus bekerjasama dengan pihak Kerajaan bagi memastikan kejayaan mengawal penularan wabak COVID-19. Aktiviti penguatkuasaan akan dipertingkatkan oleh agensi penguatkuasa berdasarkan penilaian Sistem Amaran Awal *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) yang mampu mengesan lokasi yang berisiko tinggi yang menjadi punca kepada penularan COVID-19. Langkah ini adalah lebih bersasar dan efektif untuk mencegah penularan wabak COVID-19 dalam komuniti berbanding langkah penutupan secara keseluruhan. Mana-mana syarikat yang didapati tidak mematuhi SOP akan dikenakan tindakan perundangan termasuk penutupan operasi syarikat untuk tempoh tertentu.



**KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI**

Selain itu, semua Agensi Kerajaan Negeri termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) disaran untuk mengambil langkah proaktif dan bersama-sama berganding bahu dengan Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan aktiviti penguatkuasaan bagi keselamatan bersama.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA & INDUSTRI (MITI)

5 MEI 2021

Tentang MITI:

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Strategik MITI

Tel +603 6200 0082

Fax +603 6206 4293

E-mel alluks@miti.gov.my